

Negara kuat tak boleh dipercayai

SUNGAI PETANI 20 Dis. — Malaysia tidak boleh percaya kepada ikatan yang wujud dengan negara-negara kuat atas tanggapan mereka akan menolong negara ini jika diserang, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Sebaliknya, kata beliau, negara ini mesti membuat persediaan sendiri untuk mempertahankan diri tanpa mempercayai orang lain.

“Kuasa besar biasanya bertindak mengikut kepentingan mereka sebab itu kita tidak boleh percaya kepada sesiapa untuk mempertahankan diri kita,” katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada majlis mengucapkan selamat jalan kepada 320 anggota MALBATT yang akan menyertai misi pengaman Bangsa-Bangsa Bersatu di Bosnia, di Kem Lapangan Terbang di sini hari ini.

Menurutnya, Malaysia mesti membuat persediaan sendiri untuk mempertahankan negara ini berdasarkan pengalaman anggota MALBATT di Bosnia.

“Kita mesti membuat persediaan sendiri dan kita mesti sanggup mempertahankan negara sendiri, kalau hari ini kita pergi ke Bosnia akan memberi pengalaman kepada kita tentang betapa peperangan di zaman ini dan bagaimana kita boleh mempertahankan diri kita,” katanya.

Keganasan

Beliau berkata, keganasan yang berlaku di Bosnia sekarang merupakan satu ketidakadilan yang tidak boleh diterima oleh masyarakat dunia.

Katanya, meskipun negara ini tidak begitu kuat untuk menyelamatkan kesemua mereka tetapi sedikit sebanyak ia boleh memberikan pertolongan dengan harapan pihak

lain akan turut membantu mereka.

Dr. Mahathir berkata, penganiayaan terhadap rakyat Bosnia begitu teruk dan mereka tidak dibenarkan memiliki senjata untuk mempertahankan diri, sepatutnya bangsa lain memberikan mereka hak untuk itu.

“Bangsa yang kuat tidak berbuat demikian bahkan mereka menahan orang Bosnia dari mempertahankan diri, mereka biarkan pihak Serb yang ganas melakukan keganasan, membunuh, merojol dan sebagainya,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, langkah Malaysia menghulurkan bantuan adalah atas semangat tolong menolong di peringkat antarabangsa.

Katanya, keputusan kerajaan untuk menghantar tentera ke negara itu adalah disebabkan Malaysia berpegang kepada prinsip-prinsip kemanusiaan iaitu menolong mereka

yang teraniaya dan ditindas.

“Kali ini giliran orang lain dianiaya, mungkin satu hari nanti jadi giliran kita pula,” katanya.

Menurutnya, walaupun negara ini selamat kerana tidak ada bahaya besar seperti rusuhan, peperangan, diserang atau terlibat dalam perang saudara tetapi Malaysia tidak boleh leka dan percaya bahawa keadaan itu akan berterusan.

Pengaman

“Kita tidak boleh jangka kita selalunya selamat, mungkin satu hari nanti kita tidak akan selamat,” katanya.

Dr. Mahathir mengucapkan terima kasih kepada anggota MALBATT yang sanggup menyertai misi pengaman Bangsa-Bangsa Bersatu kerana ianya dilakukan secara sukarela.

“Berbanding negara lain, di Malaysia kita belum mewajibkan mereka

menyertai pasukan keselamatan, tidak ada paksaan untuk masuk tentera, tetapi rakyat Malaysia masih sanggup bertugas dalam tentera,” katanya.

Tambahnya, apabila tentera Malaysia sanggup bertugas dalam misi pengaman ianya menjadi kebanggaan rakyat kerana mereka boleh berdiri sama tinggi dengan bangsa lain dan kerana itu negara ini dihormati.

Hadir sama pada majlis itu ialah Timbalan Men-

teri Pertahanan, Datuk Wan Abu Bakar Mohamad, Ketua Menteri Pulau Pinang, Dr. Koh Tsu Khoo, Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Abdul Rahman Abdul Hamid dan Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Borhan Ahmad.

Kumpulan 320 itu yang terdiri dari 15 pegawai dan 305 anggota lain-lain pangkat, diiringi oleh Timbalan Komander MALBATT Bosnia-Herzegovina, Lt. Kol. Abidin

Aluwi dijangka bertolak dari Kem Lapangan Terbang petang ini.

Mereka dijadual berlepas dari Pulau Pinang dengan pesawat Illushin buatan Russia yang disewa oleh PBB pagi esok. Anggota-anggota itu akan ditempatkan di Split.

Inilah kumpulan keempat yang menyertai misi tersebut di Bosnia yang menjadikan jumlah anggota MALBATT di sana sekarang seramai 1,489 orang.